

Tumpuan pelabur kepada dasaran Proton

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 6 Julai – Corak menaik saham Proton Holdings Bhd. di Bursa Malaysia sejak Jumaat lalu menunjukkan pasaran lebih memberi tumpuan kepada dasaran syarikat itu berbanding kontroversi membabitkan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff. Penganalisis firma Frost & Sullivan, Ho Hee Hean berkata, kenyataan Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa saham syarikat kereta nasional itu diberi penilaian rendah daripada sepatutnya ada benarnya dan diakui oleh pasaran.

Para pelabur, ujar beliau, maklum bahawa kukuh saham Proton terletak pada mudah tunai RM2 bilion dan aset bernilai kira-kira RM6 bilion yang dimilikinya.

Hakikatnya, kata beliau, Proton adalah sebuah entiti pengeluar kereta nasional yang lengkap dengan keupayaan kilang pembuatan dan kemampuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Faktor-faktor ini menjadi landasan kepada dasaran yang kuat bagi Proton dan sebab itu jugalah Proton sentiasa menarik perhatian pelabur asing.

“Faktor Tengku Mahaleel tidak sangat memberi kesan kepada pergerakan saham. Beliau berkebolehan menerajui Proton tetapi sesiapa saja boleh melakukannya.

“Namun, akhirnya nanti, para pelabur lebih meli-

“**Faktor Tengku Mahaleel tidak sangat memberi kesan kepada pergerakan saham. Beliau berkebolehan menerajui Proton tetapi sesiapa saja boleh melakukannya**”

— HO HEE HEAN

hat kepada aspek dasaran Proton,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai prestasi saham Proton yang menunjukkan peningkatan berperingkat-peringkat sejak minggu lalu, walaupun dilanda kontroversi yang dicituskan oleh Tengku Mahaleel yang seterusnya menimbulkan persoalan mengenai masa depan ketua eksekutif itu.

Daripada harga RM7.15 sesaham ketika ditutup Jumaat lalu, kaunter Proton meningkat kepada RM7.20 sesaham pada hari Isnin, RM7.30 sesaham semalam dan RM7.50 sesaham hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir yang juga bekas Perdana

um-7/7/2005
Menteri mengadakan sidang media khas berhubung kontroversi yang menyelubungi Tengku Mahaleel ekoran kritiknya terhadap dasar automotif kerajaan dalam sebuah akhbar berbahasa Cina, baru-baru ini.

Dr. Mahathir menyatakan Tengku Mahaleel bertanggungjawab membetulkan maklumat yang salah mengenai Proton dan sebagai seorang CEO yang baik, beliau berhak mempertahankan syarikat itu.

Ho berkata, pelabur juga percaya kerjasama yang termeterai antara Proton dan Volkswagen AG memberi masa depan yang cerah bagi kereta nasional itu. “Volkswagen telah membuktikan apabila ia mengambil alih Skoda, kereta buatan Republic Czech itu telah diberi nafas baru.”

“Volkswagen tentunya boleh memberi suntikan sinergi kepada Proton terutama dalam aspek kualiti dan imej,” kata beliau.

Ho berkata, jika Volkswagen ditawarkan untuk membeli ekuiti dalam Proton, peratusannya pasti lebih besar daripada apa yang pernah dipegang oleh Mitsubishi motor Co. dulu.

“Saya yakin berkemungkinan besar Volkswagen akan ditawarkan hingga 50 peratus ekuiti dalam Proton. Cuma, seperti yang Dr. Mahathir suarakan, apa yang dibimbangkan Proton ialah syarikat itu mungkin akan kehilangan identitinya sebagai kereta nasional kelak,” katanya.